

juat dan Asean University Network Quality Assurance (AUN-QA).  
 Pensijilan itu diperoleh melalui program Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Sains Pemutusan) (*Decision Sciences*) yang ditawarkan Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS).  
 Kejayaan itu diumumkan Naib Canselor, Prof. Datuk Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak dalam Majlis Penyerahan Tugas Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi di EDC-UUM baru-baru ini.  
 Ia adalah program kedua SQS yang menerima pensijilan AUN-QA selepas program Sarjana Muda Sains Kepujian (Matematik Perniagaan) menerima pengiktirafan yang sama pada Mei lalu dan merupakan program pengajian ketiga yang mem-



**MOHAMED MUSTAFA ISHAK**

peroleh pensijilan AUN-QA selepas program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (Kepujian) pada 2013.

Naib Canselor merakamkan ucapan tahniah kepada Dekan SQS, Prof. Madya Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya dan seluruh warga

UUM sedang menunggu keputusan pengauditan AUN-QA iaitu Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi dengan Kepujian selain daripada akreditasi The Association of MBAs (AMBA).

Sains Pemutusan merupakan satu bidang yang menggabungkan bidang kuantitatif, statistik dan pembuatan keputusan berasaskan komputer.

Bidang ini memberikan peneakan kepada pembentukan model bagi membantu menganalisis masalah sebelum membuat sebarang keputusan yang berkaitan dengan bidang pengurusan.



**MOHD. FAHMY YAHYA**  
Setiausaha KMJ



bakar meneliti pengujung di setiap daerah yang dilawati bagi tujuan melahirkan kesedaran masyarakat mengenai kanser.

"Pada kembara tahun ini, rakyat Johor berpeluang untuk mengenali dengan lebih dekat berhubung Yayasan Kanser Tunku Laksamana.  
 "Yayasan berkenaan difahamkan akan mengadakan pameran dan penerangan mengenai kanser. Jabatan Kesihatan setiap daerah juga bekerjasama dalam menyajikan pameran yayasan ini," katanya ketika ditemui di Bangunan Sultan Ibrahim di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri sesi taklimat KMJ merangkumi persediaan kenderaan konvoi, logistik dan pengagihan barangan kepada pengunjung.

Mohd. Fahmy berkata, persiapan menjelang KMJ pada Isnin ini berjalan dengan lancar dan sudah membuat persediaan yang rapi.  
 "Pada peringkat ini, tumpuan

kita ialah mengadakan perbinangan dengan jabatan induk dan sekretariat di setiap daerah bagi memastikan kelancaran program berlangsung di sepanjang laluan dan tempat yang dilawati," katanya.

Katanya, Pontian bakal menjadi daerah pertama dilawati Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan seramai 2,000 orang dijangka menyambut kedatangan baginda dan rombongan di setiap daerah.

Jelasnya, peluang tersebut pastinya tidak dilepaskan rakyat Johor untuk bertemu dan beramah mesra dengan baginda.

## Politeknik Mersing, empat pemain industri tandatangani NoU

**MERSING 6 Ogos** - Politeknik Mersing, Johor hari ini menandatangani Nota Persefahaman (NoU) bersama empat pemain industri terdiri daripada syarikat teknologi maklumat dan penyedia perkhidmatan berpangkalan di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

NoU tersebut bertujuan membantu pelaksanaan pelbagai aktiviti berkaitan dengan penyertaan kedua-dua pihak membabitkan kakitangan dan penuntut politeknik.

Syarikat yang terlibat adalah Teralogic Solution Sdn. Bhd.; Caspian Technology Sdn. Bhd.; Ofisgate Sdn. Bhd. dan Cytron Technologies Sdn. Bhd.

Pengarah Politeknik Mersing, Rosli Hamid berkata, kerjasama antara pihak politeknik dan sektor industri berkesan dalam meningkatkan dan mempercepat perpindahan teknologi berkaitan.

Katanya, langkah tersebut selari dengan usaha memastikan institusi pengajian politeknik, khususnya Politeknik Mersing untuk kekal relevan dalam melahirkan lepasan yang kompeten menepati kehendak pasaran.

"Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi tempatan, adalah penting untuk kami kekal relevan dari segi kurikulum mahupun teknologi.

"Sehubungan itu, jaringan dan kerjasama industri seperti ini berkesan mengikut matlamat politeknik yang mahu melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir," katanya semasa menyempurnakan Majlis Menandatangani NoU itu di sini.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar Jabatan Pengajian Politeknik, Mohd. Isa Azhari; Timbalan Pengarah Politeknik Mersing (Akademik), Khamsan Anas; Ketua Pegawai Ek-

sekutif (CEO) Teralogic Solution Sdn. Bhd., Nora Azila M. Zali; Pengarah Urusan Caspian Technology Sdn. Bhd., Abang Caspian Abang Thairani; Pengarah Urusan Ofisgate Sdn. Bhd., Samsul Bahari Mokmin dan Pengurus Pemasaran Cytron Technologies Sdn. Bhd., Youn Koon Hong.

Tambah Rosli, kerjasama itu turut melibatkan penyediaan latihan kepada pensyarah melalui platform sangkutan industri pensyarah, menyediakan tempat latihan industri buat penuntut serta memberi peluang kepada kebolehpasaran tenaga kerja.

"Saya berharap kerjasama strategik seperti ini akan berterusan di masa hadapan membabitkan lebih ramai pemain industri sekaligus membantu pihak politeknik meningkatkan mutu pengajian dan pembelajaran," katanya.



**ROS LI HAMID** (enam dari kiri) bersama (dari kiri) Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik, K. Murugan diikuti Abang Caspian Abang Thairani, Nora Azila M. Zali, Khamsan Anas, Mohd. Isa Azhari, Samsul Bahari Mokmin, Youn Koon Hong, Ketua Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Lajim Molah dan Pegawai Centre Of Technology Politeknik Mersing, Ruslaimi Abd. Kadir (kanan) dalam Majlis Menandatangani Nota Persefahaman di Mersing, Johor, semalam.

Cheras Vista

Kehidupan Moden Untuk 3 Generasi

Kediaman bersekuriti dan berpagar

